

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

DARIPADA : YB TUAN HAJI KHALID BIN ABDUL SAMAD

SOALAN :

Tuan Haji Khalid bin Abdul Samad [Shah Alam] minta PERDANA MENTERI menyatakan senarai penerima pencen minima mengikut sektor pekerjaan.

JAWAPAN: YB DATO' SERI DR. SHAHIDAN BIN KASSIM
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sehingga September 2014, seramai 25,500 pesara dan 23,536 Penerima Pencen Terbitan menerima pencen minima iaitu sekurang-kurangnya RM820.00 sebulan.

Bagi pesara ia melibatkan 97 skim perkhidmatan manakala bagi Penerima Pencen Terbitan ia melibatkan 95 skim perkhidmatan.

Sekian. Terima kasih.